

BULETIN


MDSELAMA

JANUARI - JUN



MAJLIS DAERAH SELAMA KELIMA ANUGERAH INOVASI PERINGKAT KEBANGSAAN

MAJLIS DAERAH SELAMA (MDS) KE PERINGKAT AKHIR PERTANDINGAN INOVASI MALA 2.0 PIALA YB MENTERI KPKT 2022/2023




Sesi Pengumuman
PESERTA KE SESI PENILAIAN PERINGKAT AKHIR
PERTANDINGAN INOVASI MALA 2.0 : PIALA YB MENTERI KPKT
SENARAI PENILAIAN PERINGKAT AKHIR

-  **MAJLIS DAERAH MARANG**
ADJUSTABLE LOADER
-  **MAJLIS DAERAH KERIAN**
MY PENGURUSAN ANJING TERBIAR (MYPAL)
-  **MAJLIS DAERAH SELAMA**
RSP-MDS
(RAKAN STRATEGIK PELANCONGAN)
-  **MAJLIS DAERAH PENDANG**
SMART HALL
-  **MAJLIS DAERAH KAMPAR**
SISTEM INTERGRATED WASTE WITH BRIDGE
(IWWB) @ MDKPR

KUPON FIZIKAL BAYARAN TEMPAT LETAK KERETA NEGERI PERAK DAN PERIHAL PARKIR DI SELAMA

Seperti sedia maklum, pelaksanaan bayaran parkir di Selama dengan penguatkuasaan telah mula dilaksanakan. Setelah tertangguh, ianya telah berjalan secara berperingkat seperti berikut :

PUNCA KUASA

1. Perintah Pengangkutan Jalan Peruntukan Tempat Letak Kereta MDS 2021 HEBAHAN AWAL / PEMASANGAN PAPAN TANDA Januari - Disember 2021
2. PELAKSANAAN (TANPA PENGELUARAN KOMPAUN) Januari - Jun 2022

DI MANA KAWASAN KENA BAYAR PARKIR DI SELAMA ?

Di kawasan yang telah disediakan petak parkir bernombor. Buat masa ini, lokasi yang dikuatkuasakan bagi perintah ini adalah seperti berikut :

- i - Pusat Bandar Selama (Pusat Penjaja D'Payung, Sekitar Padang MDS, sebelah Selama Cafe, Lintasan Relau)
- ii - Taman Mawar Lestari (Gua Petai)
- iii - Jalan Menteri (Klinik Mutiara)
- iv - Jalan Menteri (TNB Selama)
- v - Taman Permai Jaya (Area A-wang)
- vi - Persiaran Sir Chulan (Zon Cerah)
- vii - Pusat Peniagaan Ixora (KFC)
- viii - Kawasan Terminal (TAN Selama)



MAJLIS DAERAH SELAMA (MDS) KE PERINGKAT AKHIR PERTANDINGAN INOVASI MALA 2.0 PIALA YB MENTERI KPKT 2022/2023

**KATEGORI
MAJLIS DAERAH**

MAJLIS DAERAH MARANG
ADJUSTABLE LOADER

MAJLIS DAERAH KERIAN
MY PENGURUSAN ANJING TERBIAR (MYPAL)

MAJLIS DAERAH SELAMA
RSP-MDS
(RAKAN STRATEGIK PELANCONGAN)

MAJLIS DAERAH PENDANG
SMART HALL

MAJLIS DAERAH KAMPAR
SISTEM INTERGRATED WASTE WITH BRIDGE
(IWWB) @ MDKPR

Buat julung kalinya MDS layak ke peringkat akhir Pertandingan Inovasi Peringkat Kebangsaan anjuran Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA).

Kumpulan Tourism Selama dengan projek RSP-MDS terpilih antara 30 pasukan terbaik selepas bersaing antara 69 kumpulan pusingan pertama daripada kalangan PBT seluruh negara.

INFO PELANCONGAN SEPANJANG TAHUN 2023

14 Januari 2024



MANAGEMENT RETREAT & TEAMBUILDING PERAK SADC

Seharian aktiviti White Water Rafting bermula dari Lata Rambung dan Memanah di Selama Beach Campsite menjadi pengisian. Satu penghargaan kepada Unit Pelancongan MAJLIS DAERAH SELAMA (Tourism Selama) bersama RSP-MDS untuk mengendalikan program tersebut.



INFO PELANCONGAN SEPANJANG TAHUN 2023



MAJLIS PERASMIAN SESI JARINGAN STRATEGIK EKOPELANCONGAN SELAMA
sempenna LAWATAN LIBURAN SERU LADIES OF LEISURE
daripada Medan & Aceh, Indonesia ke Selama, Perak
bertempat di Selama INN (Rumah Rehat Selama)



INFO PELANCONGAN SEPANJANG TAHUN 2023

14 - 15 Februari 2023

LAWATAN PENANDA ARASAN INOVASI RSP-MDS

Sekalung penghargaan kepada Unit Pelancongan daripada rakan-rakan PBT berikut yang sudi berkunjung ke Selama baru-baru ini :

- 1) Majlis Daerah Perak Tengah
- 2) Majlis Daerah Lenggong
- 3) Majlis Daerah Yan, Kedah

Lawatan penanda arasan yang berlangsung pada 14-15 Februari 2023 ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pendedahan berkaitan pengurusan ekopelancongan yang dijalankan oleh Majlis Daerah Selama (MDS) bersama Rakan Strategik Pelancongan di Selama melalui Inovasi RSP-MDS.



INFO PELANCONGAN SEPANJANG TAHUN 2023

10 - 12 Februari 2023

PROGRAM PENGUKUHAN PASUKAN MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH (MDPT) 2023

Sekalung penghargaan kepada Majlis Daerah Perak Tengah di atas kesudian berkunjung lagi kali ini dengan batch team building seterusnya bagi menerokai ekopelancongan Selama.



Diketuai oleh Tn Mohd Ainurridha bin Ahmad Majdi, Setiausaha MDPT, deme cukup 'hingker' dan penuh bersemangat dalam menjayakan setiap aktiviti yang telah diatur oleh Tourism Selama bersama RSP-MDS dengan jayanya.



INFO PELANCONGAN SEPANJANG TAHUN 2023

10 - 12 Februari 2023

MAJLIS DAERAH SELAMA KELIMA ANUGERAH INOVASI PERINGKAT KEBANGSAAN

Alhamdulillah.


Terima Kasih **ALLAH** **تریما کاسیه** Inovasi Rakan Strategik Pelancongan (RSP-MDS) terus diiktiraf. Ianya kali ini di peringkat kebangsaan apabila diumumkan sebagai pemenang di tempat **KELIMA** dalam Pertandingan Inovasi MALA 2.0 Piala Menteri Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) tahun 2022-2023 anjuran Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA).



INFO PELANCONGAN SEPANJANG TAHUN 2023

6 Mac 2023

LAWATAN PENANDA ARASAN INOVASI RSP-MDS DARIPADA MAJLIS DAERAH KAMPAR



Sekalung penghargaan kepada Unit Korporat Majlis Daerah Kampar yang sudi berkunjung ke Selama pada 6 - 7 Mac yang lalu. Lawatan penanda arasan ini adalah bertujuan untuk mendapatkan pendedahan berkaitan pengurusan ekopelancongan yang dijalankan oleh Majlis Daerah Selama (MDS) bersama Rakan Strategik Pelancongan di Selama melalui Inovasi RSP-MDS.

Peserta telah dibawa untuk merasai sendiri adrenalina pengalaman ekopelancongan Selama, dan telah diberikan perkongsian berkaitan Inovasi RSP-MDS oleh En Mohamad Razif Ismail, Ketua Unit Pelancongan MDS @ Tourism Selama bertempat di Lata Tebing Tinggi.

Semoga perkongsian dan pengalaman yang diperolehi dapat memberi manfaat.

INFO PELANCONGAN SEPANJANG TAHUN 2023

14 Mac 2023

MAJLIS PERASMIAN SESI JARINGAN STRATEGIK MAJLIS DAERAH SELAMA (MDS) - ASSPI SUMATERA UTARA SEMPENA PROGRAM B2B FAMILIARIZATION TRIP TO SELAMA 2023



Setelah kunjungan kali pertama ke Selama pada Januari 2023, sekali lagi Tourism Malaysia Medan menerbangkan kali ini dengan usaha sama Firefly seramai 12 orang delegasi pemain industri pelancongan dan media daripada Medan dan Aceh, Indonesia ke Selama pada 13 – 15 Mac 2023. Program bertujuan untuk meninjau potensi ekopelancongan di Selama untuk diterokai sebagai destinasi pelancongan yang baru.

Majlis Perasmian telah disempurnakan di Selama INN (Rumah Rehat Selama) pada 14 Mac 2023 oleh Tuan Mohd Nasrul bin Menhat, Pegawai Daerah Larut Matang dan Selama. Selain melancarkan tawaran pakej harga istimewa, beliau turut menyaksikan pertukaran profil senarai Rakan Strategik Pelancongan MDS (RSP-MDS) yang diwakili oleh Tuan Nor Akmal bin Yang Ghazali, Yang Dipertua MDS dengan profil senarai agen pelancongan di Medan yang diwakili oleh Bapak Erwin Lopolisa, Ketua Asosiasi Pelaku Pariwisata Indonesia (ASPPPI) Sumatera Utara. Turut hadir ialah Puan Yushita Yusof, Penolong Pengarah Tourism Malaysia Medan, Ahli Majlis MDS dan RSP-MDS.



INFO PELANCONGAN SEPANJANG TAHUN 2023

20 Mac 2023

KUNJUNGAN PEGAWAI DAERAH PERAK TENGAH KE LATA TEBING TINGGI, SELAMA

Majlis Daerah Selama (MDS) menerima kunjungan Tuan Mohd Zaki bin Abdul Rahman, Pegawai Daerah Perak Tengah di Lata Tebing Tinggi yang merupakan salah satu daripada 7 Lata yang menjadi Ikon Ke-12 Pelancongan Negeri Perak.

Beliau yang diiringi oleh En Abdul Razak bin Mohd Yunus, Penghulu Mukim Blanja telah diberi taklimat ringkas berkaitan pengurusan ekopelancongan Selama menerusi Inovasi Rakan Strategik Pelancongan MDS (RSP-MDS) dan sempat bertukar fikiran bersama Tuan Nor Akmal bin Yang Ghazali, Yang Dipertua MDS.



PERHIMPUNAN ANGGOTA MAJLIS DAERAH SELAMA BIL.1/2023

17 Februari 2023

Majlis dimulai dengan bacaan surah Yassin bagi mendoakan kesejahteraan dan agar dipermudahkan segala urusan dalam perkhidmatan.



Pencapaian 2022 juga disingkap sebagai penghargaan kepada anggota yang terlibat :

1. Pencapaian 5 Bintang Sistem Penarafan KPKT 2022
2. Johan Anugerah Inovasi PBT Perak 2022
3. Johan dan Naib Johan Inter PBT Perak Selama Rafting Challenge 2022
4. Naib Johan PBT Perak Pengumpulan E-Waste Mengikut Populasi Penduduk sempena Sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2022
5. Kelima Festival Koir Antara PBT Negeri Perak 2022

Sekalung TAHNIAH sahabat2, Allah jua yang akan membalas segala komitmen kalian.

Ikut Resmi Padi, pesan Tuan Yang Dipertua pada petang berkenaan.

Yang lepas jadi sejarah, cabaran hadapan menanti.

Semoga prestasi perkhidmatan dapat terus kita tingkatkan untuk kebaikan masyarakat di Selama.

Majlis turut meraikan sambutan hari lahir dan diakhiri dengan Salam Ukhuwwah antara semua anggota.

MAJLIS PENGAKUAN PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS MDS SESI 2023/2024

23 Februari 2023

Seramai 17 orang Ahli Majlis bagi Majlis Daerah Selama telah mengangkat sumpah penerimaan jawatan bagi lantikan berkuatkuasa 16.02.2023 - 15.02.2024 seperti keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak.

Lantikan dibuat berdasarkan Seksyen 10 dan 11 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).



MDS SERTAI SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023 (HLN2023)

10 - 12 Mac 2023

Sambutan HLN2023 telah berlangsung pada 10 - 12 Mac 2023 bertempat di Laman Sejahtera, Taman DR Seenivasagam, Ipoh, Perak. Perasmian telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 11 Mac 2023.

Majlis Daerah Selama (MDS) turut menyertai HLN2023 dengan hiasan landskap bertemakan 7 Lata dan Ekopelancongan Selama yang turut menerima kunjungan YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan pada hari perasmian.

Sekalung penghargaan Terima Kasih kepada Unit Landskap MDS yang diketuai oleh En Umar Shahrezad bin Shahabuddin di atas usaha dan komitmen tinggi yang ditunjukkan sepanjang menyertai HLN2023.




GOTONG-ROYONG BUBUR LAMBUK KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN MAJLIS DAERAH SELAMA (KKS MDS)

05 April 2023

KKS MDS dapat meneruskan tradisi bergotong-royong menyediakan bubur lambuk dalam Ramadan pada tahun ini. Hampir 350 pax bubur telah disediakan dan diagihkan kepada anggota, agensi kerajaan dan masyarakat Selama.

Sekalung Tahniah dan تریما کاسیه kepada semua ahli KKS dan Ahli Majlis yang menjayakan gotong-royong ini. Semoga komitmen diangkat sebagai ibadah dan menjadi asbab keakraban.



MAJLIS PENGHAYATAN RAMADAN & ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MDS TAHUN 2022

07 April 2023

Buat julung kalinya, Majlis Daerah Selama (MDS) mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2022 dalam bulan puasa. Bertemakan "Geng Surau", majlis berlangsung dengan sederhana namun penuh bermakna kerana ia diadakan pada hari Jumaat yang barakah di dalam bulan Ramadan yang mulia.

Seusai APC, semua hadirin beriftar bersama-sama dan diikuti dengan Solat Maghrib, Isyak dan Tarawih secara berjamaah. Majlis diakhiri dengan jamuan moreh.

Sekalung Tahniah kepada penerima anugerah dan *ترىما كاسيه* yang tidak terhingga kepada semua warga kerja MDS di atas khidmat bakti dan pencapaian-pencapaian yang telah dilakar pada tahun lalu.

Dalam ucapannya, Tuan Nor Akmal bin Yang Ghazali, Yang Dipertua MDS mengajak sekalian hadirin untuk menginsafi betapa besar rahmat yang Allah berikan melalui jawatan yang disandang dan betapa beratnya tanggungjawab untuk dilunaskan dengan sebaiknya. Majlis meraikan 6 orang penerima APC di samping 34 orang penerima Anugerah Terampil.



PERKONGSIAN SEBELUM KHUTBAH JUMAAT

07 April 2023

Sekalung penghargaan buat Masjid Ar-Rashdiah, Selama yang memberikan peluang kepada MAJLIS DAERAH SELAMA untuk mengisi slot perkongsian agensi kerajaan 30 minit sebelum Khutbah Jumaat pada 7 April 2023.

Perkongsian Tuan Nor Akmal bin Yang Ghazali, AMP., Yang Dipertua MDS ketika slot berkenaan adalah seperti berikut ;

1. Menyampaikan penghargaan Terima Kasih di atas kerjasama yang baik daripada warga Selama dalam menerima pelaksanaan bayaran parkir secara berperingkat yang telah dikuatkuasakan mulai Januari 2023 ;
2. Menyentuh tanggungjawab penternak haiwan dan memberikan taklimat berkaitan tatacara pelaksanaan penguatkuasaan anjing liar dan haiwan merayau, termasuk keputusan MDS dalam menyediakan 40% insentif hasil sitaan kepada masyarakat Selama yang membantu secara rakan strategik ;
3. Kesedaran berkaitan tanggungjawab bersama dalam MENJAGA KEBERSIHAN persekitaran Selama yang dicintai, termasuk kebertanggungjawaban untuk membuka kembali bunga manggar/banting kenduri yang dipasang daripada membiarkannya mereput di simpang-simpang jalan ; dan,
4. Mengalukan pesanan Pejabat Agama dalam mengingatkan agar berbelanja dengan berhemat dan tidak membazirkan makanan dalam menyediakan juadah berbuka puasa / sahur.



MAJLIS KHATAM AL-QURAN, BACAAN YASSIN & PERHIMPUNAN ANGGOTA MAJLIS DAERAH SELAMA

18 April 2023

Terima Kasih Kelab Kebajikan & Sukan (KKS) MDS atas sumbangan. Moga kita terus istiqomah dalam merapatkan ukhuwwah ke arah solidariti semangat berpasukan untuk menghadapi apa jua cabaran dalam perkhidmatan.



PESARA MDS : JASAMU DIKENANG

11 Mei 2023

Majlis Jasamu Dikenang bersempena Jamuan Aidilfitri Majlis Daerah Selama (MDS) telah dilangsungkan di SELAMA Inn @Rumah Rehat Selama pada 11 Mei 2023.

Majlis meraikan 4 orang pesara (wajib/pilihan) dan telah dihadiri oleh Yang Dipertua, Ahli Majlis, Setiausaha dan warga kerja MDS. Sekalung penghargaan Terima Kasih *ترىما كاسيه* buat :

1. Pn Rozihan bt Abdul Malik Aini
2. En Hasnan bin Hashim
3. En. Othman bin Tahir
4. En. Roslan bin Mat Salleh

TAHNIAH & Selamat Bersara !

Segala jasa khidmat bakti Tuan / Puan kepada MDS khususnya dan perkhidmatan awam amnya amatlah dihargai, dan semoga menjadi amal ibadah Inshaa-Allah. Terima kasih jua kepada barisan urusetia, KKS MDS dan semua yang telah memberikan komitmen dalam menjayakan majlis ini.


"Bukan mudah menampi selasih
Selasih sudah bercampur arang

Bukan mudah berpisah kasih
Ukhwah sudah bertambah sayang"



INISIATIF JOM HIJAU MDS : PEMASANGAN SISTEM SOLAR BERI PENJIMATAN TENAGA ELEKTRIK KEPADA MAJLIS DAERAH SELAMA

18 Mei 2023



1. Majlis Daerah Selama (MDS) melalui kerjasama strategik bersama Maju Perak Holdings Berhad (MHB) dan United Solar Energy Malaysia (USEM) telah memasang sistem solar berkapasiti 35.25 kW di bumbung pejabat MDS.

2. Pemasangan ini telah selesai pada hujung 2022 dan Alhamdulillah setakat ini telah memberikan penjimatan kepada bil elektrik pejabat MDS secara purata sebanyak 38.2% setiap bulan dalam tempoh Jan - April 2023.

3. Kontrak pemasangan adalah selama 20 tahun dan pihak MDS tidak mengeluarkan sebarang kos bagi pemasangan sistem solar ini dan Inshaa-Allah akan menikmati penjimatan bil sepanjang tempoh tersebut.

4. Penjimatan bil elektrik sebanyak itu juga membawa maksud sebanyak 13,000 batang pokok telah ditanam setiap tahun.

5. Sekalung penghargaan TERIMA KASIH kepada MHB dan USEM di atas kerjasama strategik di atas dan semoga penjimatan yang dinikmati menjadi asbab kebaikan kepada manfaat yang lain.

LAPORAN OPERASI BERSEPADU PENGUATKUASAAN ANJING LIAR DAN HAIWAN MERAYAU DI DALAM KAWASAN OPERASI MAJLIS DAERAH SELAMA 2023

09 Jun 2023



PROGRAM RETREAT - KURSUS LEADERSHIP DAN TEAMBUILDING PENGURUSAN TERTINGGI DAN KETUA JABATAN MAJLIS BANDARAYA IPOH

18 - 20 Jun 2023



Besar hati kami kerana Majlis Bandaraya Ipoh sudi memilih lokasi teambuilding dan mengukir memori di Selama. Diketuai oleh Tn Ahmad Munir bin Ishak, Setiausaha Bandaraya, setiap peserta cukup awesome dan sporting dalam menayakan setiap aktiviti yang telah diatur oleh Tourism Selama bersama RSP-MDS. Saat paling bermakna tentunya apabila Datuk Bandar Ipoh, Dato' Rumaizi bin Baharin @ Md Daud dapat meluangkan masa menyampaikan amanat ketika program makan tengahari masakan kampung bersama durian di Lata Panggung.

Tuan Nor Akmal bin Yang Ghazali, Yang Dipertua MDS turut berkesempatan meraikan para peserta pada Majlis Penutup dan sangat menghargai sokongan yang diberi oleh MBI dan pengunjung lain kepada kegiatan ekopelancongan Selama yang dimanfaatkan potensinya sebagai sumber ekonomi dan kemajuan daerah kecil ini, Inshaa-Allah.

Maaf jika ada kekurangan.

Jemput datang lagi ya !



Majlis Daerah Selama | 058394201
<https://www.mdselama.gov.my>
<https://www.selamatourism.com>